

IMPAK PROGRAM PENCEGAHAN DADAH SHIELDS KEPADA
PEMBANGUNAN PELAJAR DI DAERAH BATU PAHAT

LAU YOKE SIEW

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2013

DEDIKASI

Istimewa Untuk

*Ibu Bapa Dan Ahli Keluarga Yang Selalu Memberi Galakkan
Dan
Kerjasama Juga*

*Pihak Pentadbir Dan Rakan Setugas Di SMK Seri Bemban, Melaka Yang
Bertimbangrasa, Memahami Keadaan Dan Memberi Pelepasan Serta
Kelonggaran Kepada Saya Untuk Mengikut Kelas Pada Hujung Minggu.*

*Penyelia Yang Dihormati Prof. Madya Dr. Hamdan Bin said
Sentiasa Memantau
Serta Memberi Bimbingan Dan Tunjuk Ajar Dari Semasa Ke Semasa.*

Rakan-Rakan Yang Banyak Membantu Dan Memberi Galakkan

*Dorongan Dan Komitmen Kalian Telah Menguatkan Semangatku
Untuk Meneruskan Perjuangan Jihad Yang Tidak Berkesudahan Ini*

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Hamdan bin Said kerana tidak jemu memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dari permulaan kajian sehinggalah selesai kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada semua pensyarah UTM yang pernah mencurahkan bakti mereka di kelas Pesisir Muar ini.

Saya juga ingin berterima kasih kepada pihak pentadbir di sepuluh buah sekolah menengah yang terlibat di dalam kajian ini kerana memberi kebenaran kepada saya untuk memberi taklimat ringkas kepada para pelajar di sekolahnya sebelum mereka mengisi borang soal selidik. Kerjasama daripada semua di sepuluh buah sekolah menengah ini juga amat saya hargai kerana mereka sudi meluangkan masa untuk mendengar dan menjadi responden dalam kajian saya ini. Begitu juga pegawai-pegawai dari AADK Batu Pahat kerana sudi menerima kedatangan saya untuk menjalankan sesi temu bual. Kerjasama dan sokongan yang diberikan amat dihargai.

Akhir sekali, kepada rakan seperjuangan yang telah sama-sama mengharungi segala suka dan duka sepanjang proses pembelajaran ini. Semangat setia kawan dan keikhlasan membantu serta sedia berkongsi maklumat akan saya ingat buat selamanya.

ABSTRAK

Dasar Dadah Negara bertujuan mewujudkan Negara Malaysia yang bebas dari ancaman gejala dadah menjelang tahun 2015 bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat dan mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional. Pelbagai strategi pencegahan awalan telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan dan NGO. Fokus utama kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji impak program pencegahan dadah SHIELDS terhadap Pembangunan pelajar di daerah Batu Pahat, Johor berdasarkan model Kirkpatrick. Responden Kajian terdiri daripada 40 orang peserta yang telah menyertai program SHIELDS bagi sesi 2012 di sepuluh buah sekolah menengah harian biasa. Kajian ini menggunakan pendekatan *Mix-method* (Kaedah gabungan) secara tinjauan dan temu bual dengan menggunakan kaedah persampelan berstruktur. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik dan temu bual. Bagi dapatan soal selidik, data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 20.0. Manakala temu bual dianalisis secara manual melibatkan pengkodan dan interpretasi data. Kepercayaan soal selidik telah diuji melalui kajian rintis yang dijalankan dengan menggunakan ketekalan dalaman *Alpha Cronbach* 0.849 untuk kepuasan dan nilai kepercayaan *Alpha Cronbach* 0.812 untuk impak program. Pembolehubah bebas yang digunakan adalah kepuasan peserta terhadap program SHIELDS, impak keberkesanan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Hasil dapatan menunjukkan keempat-empat aspek yang dikaji menunjukkan reaksi positif di mana peserta berpuas hati dengan latihan yang diikuti, mendapat pengetahuan serta dapat meningkatkan kemahiran, berlakunya perubahan sikap serta mendapat manfaat berupa menjauhi dadah. Dapat dirumuskan secara keseluruhannya program SHIELDS yang dijalankan AADK di daerah Batu Pahat negeri Johor adalah berkesan kepada peserta program dalam usaha meningkatkan kualiti hidup menghindari dadah.

ABSTRACT

National Drug policies which create a country free from the threat of drugs by 2015 to ensure the well-being of the community and maintain stability and national resilience. Initial prevention strategies have been planned and implemented by the Government and NGOs. The main focus of this study is to examine the impact of drug prevention programme for student development at SHIELDS district of Batu Pahat, Johor based on Kirkpatrick model. Respondents consisting of 40 participants took part in the program SHIELDS for session 2012 in ten secondary schools. This research approach Mixmethod (combined Method) in the survey and interviews with the structured sampling method. The instruments used are questionnaire and interview Protocol. For the findings of the questionnaire, the data analyzed by using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 20.0. While the interview is analyzed manually involves coding and interpretation of data. Beliefs questionnaire has been tested through a pilot study carried out by finding Alpha's 0.849 for satisfaction and the value of the trust's Alpha to 0.812 impact program. The independent variables used were participant satisfaction, impact on the effectiveness of the program SHIELDS in terms of knowledge, skills and attitudes. Findings show the four aspects surveyed showed positive reactions in which participants are satisfied with the training that followed, getting knowledge as well as to increase the skills, an attitude change and benefit in the form of drug abstinence. It can be formulated as a whole that the program SHIELDS conducted AADK Johor is effective to participants in an effort to improve the quality of life avoiding drugs

ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	HALAMAN
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	8
	1.3 Pernyataan Masalah	13
	1.4 Objektif Kajian	16
	1.5 Persoalan Kajian	16
	1.6 Skop Kajian	17
	1.7 Batasan Kajian	17
	1.8 Kepentingan Kajian	18
	1.9 Konseptual Kajian	
	1.9.1 Kerangka kajian	21
	1.9.2 Teori Kajian Kirkpatrick	22
	1.9.3 Model Penilaian Empat Tahap oleh Kirkpatrick	25
	1.10 Definisi Istilah Dan Operasi	
	1.10.1 Dadah	26
	1.10.2 SHIELDS	27
	1.10.3 Keberkesanan	28
	1.10.4 Keberkesanan Program	28
	1.10.5 Pencegahan	29
	1.10.6 Penagih Dadah	29
	1.10.7 Program	30
	1.10.8 Pembangunan Pelajar	30
	1.10.9 Jasmani	30
	1.10.10 Rohani	31
	1.11 Penutup	31
2	KAJIAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan	32
	2.2 Sejarah Pengambilan Dadah Di Malaysia	33
	2.3 Jenis-Jenis Dadah	35

2.3.1	Opiat	36
2.3.2	Kanabis	36
2.3.3	Depresen	36
2.3.4	Stimulan	37
2.3.5	Halusinogen	37
2.3.6	Alkohol	38
2.3.7	Gamma-Hydroxybutyrate (Gbh)	38
2.3.8	Ketamin	38
2.3.9	Ubat-Ubatan Lain Yang Disalahguna	38
2.4	Teori Kepuasan	39
2.4.1	Teori Keperluan Maslow	40
2.4.2	Teori Faktor Federick Herzberg	42
2.4.2.2	Faktor-Faktor Motivator	42
2.4.2.2	Faktor Hygiene	42
2.5	Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Remaja	44
2.6	Penagihan Dadah Di Malaysia	47
2.7	Kajian Pencegahan Dadah Di Malaysia	49
2.8	Kajian Pencegahan Dadah Di Luar Negara	51
2.9	Pendekatan Dan Model Berkaitan	55
2.9.1	Model Penilaian CIPP	56
2.9.2	Model Kirkpatrick	57
2.9.2	Model Maklumat	58
2.10	Pembangunan Pelajar Yang seimbang Dan Harmonis	59
2.10.1	Unsur Intelek	60
2.10.2	Unsur Rohani	61
2.10.3	Unsur Emosi	62
2.10.4	Unsur Jasmani	63
2.10.4.1	Unsur Psikomotor	63
2.10.4.2	Unsur Kognitif	64
2.11	Penutup	64
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	66
3.2	Reka Bentuk Kajian	66
3.3	Lokasi Kajian	68
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	69
3.5	Persampelan	70
3.6	Instrumen Kajian	70
3.7	Kajian Rintis	73
3.8	Prosedur Kajian	74
3.9	Kaedah Pengumpulan Data	75
3.10	Penutup	76
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	77
4.2	Demografi Responden	78
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Umur	78
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	78
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Kaum	79
4.3	Analisa Dapatan Kajian	79

4.3.1	Dapatan Persoalan Kajian Satu (1)	80
4.3.2	Dapatan Persoalan Kajian Dua (2)Pengetahuan	87
4.3.2.1	Analisis Aspek Keberkesanan/Impak Program Shields	87
4.3.3	Dapatan Persoalan Kajian Dua (2)Sikap	90
4.3.4	Dapatan Persoalan Kajian Dua (3)Kemahiran	92
4.3.5	Dapatan Persoalan Kajian Tiga-Kualitatif	95
4.3.5.1	Penyertaan Peserta Program	95
4.3.5.2	Kepentingan Pencapaian Objektif	97
4.5.3.3	Program Susulan Dan Pemantauan	98
4.4	Penutup	99
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	100
5.2	Rumusan Kajian	100
5.3	Perbincangan dapatan Kajian	102
5.3.1	Kepuasan Pelajar Program SHIELDS	102
5.3.1.1	Mengenali Kawan	103
5.3.1.2	Aktiviti Yang Dijalankan	103
5.3.1.3	Keselesaian Tempat dan Kemudahan	104
5.3.2	Keberkesanan Program SHIELDS Mengikut Aspek	105
5.3.2.1	Aspek Pengetahuan	105
5.3.2.2	Aspek Sikap	106
5.3.2.3	Aspek Kemahiran	107
5.3.3	Penambahbaikkan Untuk Memperkasakan Program SHIELDS	107
5.3.3.1	Penyertaan Peserta Program	107
5.3.3.2	Kepentingan Pencapaian Objektif	108
5.3.3.3	Program Susulan Dan Pemantauan	108
5.4	Implikasi Kajian	109
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	110
5.6	Penutup	110
	RUJUKAN	112
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	HALAMAN
1.1	Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan AADK	5
1.2	Jumlah Penagih Mengikut Umur Ketika Dikesan Bagi Tahun 2007-2011	6
1.3	Statistik Tahun 2011 : Jumlah Penagih Mengikut Etnik	7
1.4	Perincian Pengisian Program SHIELDS	11
2.1	Hierarki Teori Kepuasan Maslow	40
3.1	Bilangan peserta-peserta di 4 buah sekolah menengah di daerah Batu Pahat	69
3.2	Pengkelasan Skala Likert	72
3.3	Taburan item Soal-Selidik	73
3.4	Kaedah Penganalisisan Data	75
3.5	Tahap Penilaian	76
4.1	Taburan Responden Mengikut Umur	78
4.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	78
4.3	Taburan Responden Mengikut Kaum	79
4.4	Kepuasan pelajar menyertai program SHIELDS	81
4.5	Analisis Tahap Kepuasan Peserta Program SHIELDS	83
4.6	Taburan Keberkesanan Program SHIELDS	87
4.7	Analisis Tahap Impak Keberkesanan Berdasarkan Aspek Pengetahuan	88
4.8	Analisis Tahap Impak Keberkesanan Berdasarkan Aspek Sikap	90
4.9	Analisis Tahap Impak Keberkesanan Berdasarkan Aspek Kemahiran	94

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PERKARA	HALAMAN
1.	Model Kirkpatrick	25
2.	Teori Dua Faktor Frederick Herzberg	43
3.	Aliran dalam Model Maklumat	59

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

PERKARA

A

Borang Soal Selidik

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Banyak usaha telah dilakukan untuk mengkaji masalah penyalahgunaan dadah di negara ini. Fenomena penyalahgunaan dadah perlu dipandang serius terutama dalam kalangan pelajar sekolah kerana ia mempunyai perkaitan dengan masalah disiplin seperti merokok, ponteng sekolah, melawan guru, mencuri, bergaduh, membuli dan merosakkan harta benda sekolah. Pada kebiasaannya, pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah bukan sahaja menghadapi permasalahan disiplin dan akademik tetapi mereka juga terdedah kepada risiko gejala sosial di luar sekolah seperti penglibatan dengan kumpulan samseng, pergaulan bebas, melepak, kehamilan sebelum kahwin dan lari dari rumah (AADK, 2007).

Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) ditumpukan di sekolah kerana hasil kajian menunjukkan penagih dadah mula mencuba dadah ketika mereka masih di bangku sekolah lagi iaitu dalam lingkungan usia 13 hingga 17 tahun (Mohd Muzafar Shah & Abdul Malek, 2005). Dengan itu, program PPDa merupakan salah satu daripada sistem sokongan sekolah yang dirancang khas ke arah menangani gejala sosial yang melibatkan kalangan pelajar sekolah. Program PPDa ini harus dapat memupuk semangat jati diri pelajar yang seterusnya dapat membentuk nilai murni, budi pekerti yang mulia dan terpuji, kerohanian yang luhur dan memiliki perasaan cinta serta sayang kepada diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara (Mohd Muzafar Shah & Abdul Malek, 2005). Usaha untuk mencegah dadah

ditumpukan kepada generasi muda kerana mereka merupakan tulang belakang dan pewaris kepimpinan negara pada masa depan. Seperti yang kita sedia maklum, mencegah adalah lebih baik dari mengubat. Dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan generasi masa hadapan hidup aman dan gembira tanpa dadah.

Pada 28 Februari 1983, Jawatankuasa Kabinet Antidadah telah mengisytiharkan "Dadah Musuh Utama Negara" (Jamaludin Ahmad, 2009). Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di sekolah. Sasaran utama program PPDa difokuskan khas kepada pelajar, guru, kakitangan sekolah dan ibu bapa. Program Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah dilaksanakan secara bersepadu melalui empat strategi utama iaitu Pengurusan dan Kepimpinan, Kurikulum, Kokurikulum dan Pembentukan Sahsiah (Buku Panduan Pelaksanaan PPDa di Sekolah, 2003). Matlamat pendidikan pencegahan dadah di sekolah ialah untuk memberi pengetahuan, kesedaran dan keinsafan kepada pelajar, guru, kakitangan pendidikan dan ibu bapa akan bahaya dadah agar mereka menjauhinya dan berupaya menentang ancaman dadah dengan meletakkan sasaran "Sekolah Bebas Dadah Tahun 2012" (Buku Panduan Pelaksanaan PPDa di Sekolah 2003).

Pelbagai aktiviti berkaitan program Pendidikan Pencegahan Dadah (Benci Dadah) telah dirancang dan sedang dijalankan di semua sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini adalah di bawah perancangan bidang kokurikulum di sekolah. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pertandingan permainan antara kelas dan video anti dadah. Video ini ditayangkan melalui televisyen atau komputer untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang najis dadah. Unit kokurikulum menubuhkan Kelab PPDa Lencana Anti Dadah untuk membolehkan ahli melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pencegahan dadah di sekolah (Judy Gan, 1995). Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan serta *coping skills* di kalangan ahli kelab. Perancangan dan pelaksanaan kelab Skim Lencana Antidadah (SLAD) PPDa ini adalah serupa dengan kelab-kelab atau persatuan-persatuan lain di sekolah. *Coaching*

Clinics diadakan untuk menggalakkan pelajar-pelajar menyertai aktiviti-aktiviti sukan dan permainan dalam masa lapang mereka. Bekas pemain dan jurulatih bola sepak, hoki, squash, tenis atau badminton di peringkat negeri atau negara dijemput khas untuk mengendalikan aktiviti ini agar dapat menjadi sumber inspirasi kepada pelajar-pelajar terutamanya ahli-ahli kelab. (Judy Gan, 1995).

Pemasangan papan tanda anti dadah didirikan di tempat strategik sekitar kawasan sekolah untuk mendorong semua pelajar serta masyarakat umum menceburi aktiviti sihat di masa lapang mereka (Judy Gan, 1995). Pertandingan kuiz pencegahan dadah antara kelas dijalankan untuk menilai tahap kesedaran dan pengetahuan pelajar-pelajar sekolah mengenai dadah serta memajukan konsep pembelajaran melalui penyertaan. Ceramah dan pameran anti dadah juga diadakan sempena ambang kemerdekaan. Pelajar dikehendaki membaca Ikrar Anti Dadah agar mempunyai kesedaran dalam memerangi najis dadah pada setiap masa. Ada juga yang menganjurkan larian anti dadah dengan kerjasama komuniti setempat (Judy Gan, 1995). Program Lima Minit Anti Dadah semasa perhimpunan rasmi atau setiap waktu pembelajaran dan pengajaran dijalankan mengikut garis panduan yang ditetapkan (Judy Gan, 1995). Ini diikuti dengan pertandingan melukis Poster Anti Dadah. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan bermatlamatkan untuk mencegah. Selain itu, Program Ujian Urin dilaksanakan untuk mengenalpasti pelajar-pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dengan kerjasama pihak pejabat pelajaran daerah dan pejabat kesihatan. Semua ini bertujuan untuk memberi pengetahuan, kesedaran dan keinsafan kepada pelajar, guru, kakitangan pendidikan dan ibu bapa akan bahaya dadah agar mereka menjauhinya dan berupaya menentang ancaman dadah dengan meletakkan sasaran "Sekolah Bebas Dadah Tahun 2012" (Buku Panduan Pelaksanaan PPDa di Sekolah, 2003).

Penubuhan Agensi Dadah Kebangsaan sebagai agensi wajib menangani masalah dadah pada 7 Februari 1996 adalah melalui kerjasama antara jabatan-jabatan antaranya Pasukan Petugas Anti Dadah (PPAD) Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah (BRPD) Kementerian Dalam Negeri serta cawangan Anti Dadah Polis DiRaja Malaysia (Dadah Musuh No.1 Negara. 2007). Penubuhan ini menetapkan usaha-usaha membanteras dadah dilaksanakan melalui empat strategi

yang merangkumi pencegahan, rawatan dan pemulihan, penguatkuasaan dan hubungan antarabangsa. Pertukaran kepada nama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) (menerusi kelulusan Akta Tubuh AADK) dibuat pada 30 Disember 2004. Akta Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2004 diwujudkan untuk memantapkan AADK dari segi bidang kuasa dan tanggungjawab sebagai *focal point* dalam menangani masalah dadah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Manakala peranan AADK untuk menentukan segala usaha negara memerangi ancaman dadah berjalan secara terancang, berarah dan selaras demi mewujudkan satu masyarakat yang bebas daripada ancaman dadah. (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2007).

Pelbagai usaha proaktif telah dilaksanakan oleh AADK bagi membendung ancaman penyalahgunaan dadah melalui pelaksanaan program-program pendidikan pencegahan dadah iaitu program Sayangi Hidup Elak Dadah Selamanya (SHIELDS) dan program *Tomorrow's Leader*. Pelaksanaan Program Sayangi Hidup Elak Dadah Selamanya (SHIELDS) adalah untuk meningkatkan kesedaran dan mengupayakan ketahanan diri pelajar di peringkat sekolah menengah yang mana pelajar dalam lingkungan umur 13 hingga 18 tahun yang dikenalpasti berisiko dalam penyalahgunaan dadah. Sementara matlamat program *Tomorrow's Leader* adalah untuk memastikan pelajar dan warga institusi pengajian tinggi mempunyai pengetahuan, kesedaran dan kemahiran mengenai gaya hidup sihat tanpa dadah agar mewujudkan Mahasiswa Bebas Dadah 2015. Program *Tomorrow's Leader* dilaksanakan oleh AADK negeri/daerah di semua institusi pengajian tinggi awam, institusi pengajian tinggi swasta, institut latihan, institut kemahiran, politeknik dan kolej komuniti yang terpilih di seluruh negara. Program ini dilaksanakan mengikut kumpulan sasaran iaitu populasi institusi pengajian tinggi, pelajar berisiko dan pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Penyalahgunaan dadah dianggap sebagai salah satu musuh nombor satu negara. Kerajaan telah mempertingkatkan anggaran belanja dalam mengurus dan pembangunan AADK. Namun statistik di bawah menunjukkan masalah ini masih tidak dapat dibanteras.

Jadual 1.1 : Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan AADK

Tahun	Mengurus		Pembangunan		Jumlah	
	RM	(%)	RM	(%)	RM	(%)
2007	193.149	81.73%	44.225	18.63%	237.374	100.00%
2008	246.246	83.48%	48.74	16.52%	294.986	100.00%
2009	293.289	75.42%	95.591	24.58%	388.88	100.00%
2010	250.817	84.75%	45.116	15.25%	295.933	100.00%
2011	303	90.56%	31.598	9.44%	334.598	100.00%

Sumber : Data dari Maklumat Dadah 2011, AADK

Jadual 1.1 di atas menunjukkan anggaran belanja mengurus dan pembangunan AADK daripada tahun 2007 hingga 2011. Data ini menunjukkan bahawa setiap tahun anggaran belanja mengurus dan pembangunan AADK yang digunakan meningkat dari tahun ke tahun.

Merujuk kepada jadual 1.1 didapati peratus anggaran belanja mengurus semakin meningkat dari tahun 2009 hingga 2011 jika dibandingkan dengan peratus anggaran belanja dalam usaha pembangunan.

Jadual 1.2 : Jumlah Penagih dikesan mengikut umur apabila ditangkap 2007 -2011

Tahun	< 13	13-15	16-19	20-24	25-29	30-34	35-39	≥ 40
2007	0	26	611	2345	2720	2700	2099	3869
	0.00%	0.18%	4.25%	16.32%	18.79%	18.79%	14.61%	26.92%
2008	0	11	464	1845	2405	2325	1779	3471
	0.00%	0.09%	3.77%	15.00%	19.55%	18.90%	14.46%	28.22%
2009	0	47	623	2682	3474	3219	2236	3178
	0.00%	0.30%	4.03%	17.35%	22.47%	20.82%	14.46%	20.56%
2010	3	83	2610	5467	4993	3002	2720	4240
	0.01%	0.36%	11.28%	23.65%	21.60%	12.99%	11.77%	18.34%
2011	14	33	819	2450	2415	1906	1351	2134
	0.13%	0.30%	7.36%	22.03%	21.71%	17.14%	12.15%	19.19%
	< 13	13-15	16-19	20-24	25-29	30-34	35-39	≥ 40
Purata								
(5thn)	3	40	1025	2958	3201	2630	2037	3378
	0.02%	0.26%	6.71%	19.37%	20.96%	17.22%	13.34%	22.12%
Tahun 2011	Remaja (13-18 thn)			Belia (19-39 thn)			Dewasa (≥ 40 thn)	
	461 org			8513 org			2134 org	
	4.14%			76.54%			19.19%	

Sumber : Data dari Maklumat Dadah 2011, AADK

Berdasarkan sumber yang dikeluarkan AADK dalam jadual 1.2 di atas menunjukkan jumlah penagih mengikut umur yang dapat dikesan sentiasa menunjukkan peningkatan dari tahun 2007 hingga ke tahun 2011. Golongan yang berumur dalam lingkungan 19 hingga 39 tahun iaitu golongan belia adalah golongan yang tertinggi sekali iaitu seramai 8,513 orang, manakala golongan dewasa iaitu yang berada dalam lingkungan umur lebih daripada 40 tahun merupakan golongan kedua tertinggi iaitu seramai 2,134 orang. Peningkatan jumlah kes penagihan yang paling ketara adalah remaja yang berumur antara 13 sehingga 19 tahun sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 1.2. Ini menunjukkan *trend* penagihan bermula daripada seawal umur remaja sentiasa menunjukkan peningkatan. Perlu diingatkan bahawa ini belum ditambah pula dengan kes yang tidak dapat dikesan.

Jadual 1.3 : Statistik Tahun 2011 : Jumlah Penagih Mengikut Etnik

KATEGORI		STATUS KES					
		BARU		BERULANG		JUMLAH	
		BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%
Etnik	Melayu	5,706	82.03%	3,051	71.99%	8,757	78.23%
	Cina	432	6.21%	554	13.07%	986	8.81%
	India	672	9.66%	604	14.25%	1,276	11.40%
	Pribumi Sabah	72	1.04%	7	0.17%	79	0.71%
	Peribumi Sarawak	44	0.63%	2	0.05%	46	0.41%
	Lain-Lain	30	0.43%	20	0.47%	50	0.45%
	Jumlah	6,956	100.00%	4,238	100.00%	11,194	100.00%

Sumber : Data dari Maklumat Dadah 2011, AADK

Merujuk kepada jadual 1.3 di atas, berdasarkan sumber yang dikeluarkan AADK menunjukkan Statistik Tahun 2011, jumlah penagih mengikut etnik. Etnik Melayu merupakan penagih baru teramai yang dikesan sepanjang tahun 2011 iaitu seramai 5,706 orang (82.03%) begitu juga untuk penagih berulang seramai 3,051 orang (71.99%). Jika dibandingkan dengan tiga kaum di Malaysia penagih baru untuk etnik Cina seramai 432 orang (6.21%) manakala etnik India seramai 672 orang (9.66%) begitu juga dengan penagih berulang etnik Cina seramai 554 orang (13.07%) manakala etnik India seramai 604 orang (14.25%). Secara keseluruhannya jumlah penagih baru dan penagih berulang bagi etnik Melayu menunjukkan bilangan penagih yang paling ramai.

Mengikut program pengawalan dadah Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDCP) menyenaraikan Malaysia terletak ditempat kelima dirantau Asia Tenggara mempunyai bilangan penagih dadah paling ramai selepas Filipina, Vietnam, Indonesia dan Thailand. Bermula pada tahun 1983, kerajaan telah melaksanakan satu pendekatan baru dalam usaha memerangi wabak dadah di negara ini. Masalah dadah telah dilabelkan sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara. Pengisytiharan ini dibuat memandangkan bahawa penagihan dadah dalam negara akan mencapai tahap

wabak serius sekiranya langkah-langkah tegas tidak diambil untuk membanteranya (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2007). Seperti yang termaktub dalam Dasar Dadah Negara iaitu mewujudkan negara Malaysia yang bebas dari ancaman gejala dadah menjelang tahun 2015 bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat dan mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional.

Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah aktif dan tegas pada tahun 2003 untuk memerangi penyalahgunaan dadah secara habis-habisan. Oleh itu tahun 2003 telah diwartakan sebagai “Tahun Memerangi Dadah Habis-habisan”. Semua pihak telah diseru untuk mengembleng tenaga bagi mencapai objektif tersebut demi kesejahteraan bersama (Mahmood Nazar, 2006). Ekoran daripada itu banyak program pencegahan telah dirancang, antara langkah pencegahan awal yang dilakukan oleh AADK dalam Institusi Pendidikan Bebas Dadah merangkumi program SHIELDS. Program SHIELDS merupakan program berbentuk kem motivasi, ceramah, latihan dalam kumpulan dan pelbagai aktiviti bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar sekolah menengah yang berumur antara 13 hingga 18 tahun. Tujuan utama program SHIELDS dilaksanakan adalah untuk membendung pelajar sekolah menengah yang berisiko terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan yang mempunyai masalah dadah supaya tidak terus terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

1.2 Latar Belakang Masalah

Masalah dadah adalah masalah sejagat dan satu-satunya masalah sosial paling rumit yang sedang dihadapi oleh negara. Salah satu strategi yang dilaksanakan untuk menangani masalah ini dalam sesebuah negara ialah melalui pencegahan yang lazimnya meliputi pendidikan pencegahan. Strategi ini dijalankan oleh Negara yang menghadapi masalah penyalahgunaan dan penagihan dadah bagi mengurangkan permintaan terhadap dadah (*demand reduction*) yang mungkin terus terbina pada masa akan datang seandainya tidak dibendung (Mahmood Nazar, 2006).

Sehubungan itu, pihak kerajaan telah membelanjakan beratus-ratus juta ringgit dalam memerangi gejala penagihan dadah namun masih lagi belum menampakkan keberkesanan yang positif (Jamaludin Ahmad, 2009). Walaupun terdapat organisasi-organisasi yang sentiasa berkempen untuk pencegahan dadah tetapi masalah ini masih menjadi masalah utama negara. Masalah penyalahgunaan dadah di kalangan generasi muda khususnya di negara ini adalah satu masalah besar yang sentiasa mendapat tumpuan ramai terutama sekali pihak berkuasa. Golongan muda merupakan modal insan dan aset penting negara yang sangat berharga (Mahmood Nazar, 2006). Apa yang paling membimbangkan ialah penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja semakin berleluasa dan masih belum dapat diselesaikan. Di samping itu, penyalahgunaan dadah berkait rapat dengan bermacam penyakit sosial seperti pelacuran, lepak, perjudian dan HIV/AIDS. Perkara inilah yang banyak menggugat dan memudaratkan keadaan sesebuah negara sama ada dalam bidang ekonomi, sosiobudaya, politik mahupun keselamatan.

Dalam bajet 2012, kerajaan telah memperuntukan sehingga 10.8% peruntukkan kepada Kementerian Kesihatan untuk mengatur pelbagai strategi pencegahan awal bagi menangani permasalahan penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar. Menyedari hakikat ini AADK di bawah Kementerian Dalam Negeri telah mengatur pelbagai program dan aktiviti di bawah Pelan Strategik AADK 2011–2015. Program pendidikan pencegahan dadah dilaksanakan dengan tujuan untuk memberi dan meningkatkan pengetahuan di samping mendorong golongan remaja dan pelajar sekolah menjauhi dadah. Salah satu program yang telah dilaksanakan adalah program SHIELDS (Sayangi Hidup Elak Dadah Selamanya).

Program ini dikendalikan sepenuhnya oleh guru bimbingan dan kaunseling dibawah unit HEM dan disasarkan kepada pelajar dalam lingkungan umur 13 tahun hingga 18 tahun yang dikenalpasti berisiko dalam penyalahgunaan dadah kerana kajian menunjukkan penagih mula mencuba dadah dalam lingkungan umur tersebut (Mahmood Nazar dan rakan-rakan, 2005). Matlamat program SHIELDS adalah untuk membendung pelajar yang mempunyai masalah dadah daripada terus terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan bagi memastikan pelajar berisiko tidak terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah.

Program SHIELDS merupakan program baru yang dilaksanakan pada tahun 2011. Program ini dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun selama 4 hari 3 malam dengan dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama AADK, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Dibawah pengurusan negeri kebiasaannya program ini dilaksanakan dengan kerjasama Sektor Pengurusan dan Pembangunan Kemanusiaan, Unit Pendidikan Pencegahan dadah JPN, Pejabat Pelajaran Daerah dengan melibatkan peserta dari sekolah menengah yang berisiko tinggi. Sekolah yang berisiko ini dikenalpasti sama ada terdapat kes berkaitan penyalahgunaan dadah atau sekolah yang tiada rekod tetapi berada di kawasan persekitaran yang berisiko tinggi. Pelajar dipilih dari kalangan mereka yang mempunyai masalah disiplin (merokok/inhalan/arak/dadah/seks bebas) oleh guru bimbingan dan kaunseling dan senarai nama pelajar dihantar kepada Pejabat Pelajaran Daerah untuk diproses. Pelaksanaan program ini mengikut tiga fasa iaitu fasa ujian pengesanan dadah, fasa Kem Intensif SHIELDS dan fasa akhir adalah merupakan fasa pengukuhan sahsiah (*Restorative Practices*) (Modul SHIELDS). Pengisian program SHIELDS terdiri daripada latihan dalam kumpulan (LDK) atau perbincangan dalam kumpulan, ceramah, ujian urin, kuliah maghrib, riadah, aktiviti luar atau fizikal, bicara hati dan penilaian program. Untuk perincian pengisian program SHIELDS sila rujuk jadual 1.4.

Pelbagai kemudaratan akan berlaku jika program SHIELDS ini tidak dilaksanakan. Maka, pencegahan dan intervensi awalan untuk membantu membentuk kumpulan sasaran ini perlu dilakukan supaya masalah dadah ini dapat dibendung demi kepentingan dari segi ekonomi, agama, sosial dan negara. Walaupun program SHIELDS ini telah dijalankan dengan melibatkan sekolah-sekolah yang terpilih di daerah setiap negeri, masih terdapat remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dengan merujuk kepada Jadual 1.1 dan Jadual 1.2 yang telah dinyatakan dalam bab pengenalan.

Jadual 1.4 : Perincian Pengisian Program SHIELDS

Pengisian Program SHIELDS	Aktiviti
Latihan Dalam Kumpulan (LDK)	LDK 1 – Faktor Berisiko dan Faktor Pelindung LDK 2 – Pengurusan Masa LDK 3 - Bingo LDK 4 – Kemahiran Asertif LDK 5 – Membuat Keputusan LDK 6 – Senario (Buat skrip dan Lakonan)
Ceramah	Kesan Buruk Penagihan Dadah (Kementerian Kesihatan Malaysia) Nilai Ilmu, Diri, Keluarga, Masyarakat dan Negara (Jabatan Pelajaran Negeri)
Ujian Urin	Pengesanan awal terhadap pengambilan dadah di kalangan pelajar
Kuliah Maghrib/ Pendidikan Moral	Mengenali Diri Matlamat Hidupku Sayangi Ibu Bapa Guru Pelita Hidup Seribu Langkah Menuju Bahagia Kejayaan Diri
Riadah, aktiviti luar /fizikal	Sukaneka/ Pertandingan Sukan/ Kawad
Bicara Hati	Ikrar Antidadah Sesi Bersama Ibu Bapa Pelajar
Penilaian Program	Soal Selidik Keberkesanan Pelaksanaan Program

Apakah program dan aktiviti yang dijalankan dalam program SHIELDS ini berkonsep santai mendapat respon yang baik daripada pelajar? Apakah konsep yang dijadualkan dalam program SHIELDS ini bersesuaian dengan kumpulan peserta yang disasarkan? Setelah kerajaan meletakkan sasaran "Sekolah Bebas Dadah Tahun

2012" malangnya sehingga kini masih terdapat pelajar sekolah terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Ini menimbulkan pelbagai persoalan. Misalnya adakah program yang dijalankan dinilai dari segi kesesuaian dan keberkesanannya? Bagaimana pula dengan fasilitator atau penceramah yang diundang? Begitu juga bajet negara? Bagaimanakah program yang menelan berjuta-juta ringgit ini dinilai dari segi keberkesanan atau impaknya kepada pelajar? Dunia digital kini membolehkan generasi Y mudah mendapat maklumat dari pelbagai media elektronik tanpa kawalan dan tanpa sempadan. Sejauhmanakah media elektronik memainkan peranannya dalam menyebarkan bahaya dadah? Adakah program yang dilaksanakan seperti dalam jadual 4 dapat menarik minat generasi Y kita yang hidup dalam dunia digital dan mampu memberi impak kepada mereka? Kajian perlu dilakukan untuk mengenalpasti perkara ini.

Justeru itu untuk memperbaiki fenomena tersebut ke arah yang positif dan optimum, perubahan dan penambahbaikan perlu dibuat bermula dari akar umbinya. Individu yang masih berada di alam persekolahan perlu didorong untuk mengubah gaya hidup mereka demi kesejahteraan hidup. Feigelman dan Feigelman (1993) dalam Mohanaraj (2003) menyatakan bahawa zaman kanak-kanak ke alam remaja merupakan zaman yang penuh dengan pelbagai pergolakan masalah dan diiringi pelbagai bentuk cabaran. Dalam mengatasi masalah ini remaja akan mencari jalan penyelesaian yang lebih mudah iaitu dengan menghayalkan diri untuk mengelak daripada menghadapi masalah atau melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah. Oleh itu pembangunan pelajar secara menyeluruh perlu dikaji kesan dan impak melalui program SHIELDS yang dilaksanakan.

Peningkatan sehingga 10.8% peruntukan dalam Bajet 2012 yang disalurkan untuk Kementerian Kesihatan oleh Kementerian Kewangan Malaysia jelas sekali peruntukan untuk sektor kesihatan telah meningkat dan Kementerian Kesihatan berharap akan mendapat peruntukan lebih besar dalam belanjawan 2013 bagi membolehkan banyak program penyelidikan dan pembangunan (R&D) dapat dijalankan (Berita Harian 23 Nov 2012). Latihan pembangunan merupakan faktor yang penting bagi sesebuah organisasi bagi menghadapi perkembangan dan cabaran. Terdapat banyak isu latihan yang sering ditimbulkan di dalam dan di luar program.

Antara isunya adalah “keberkesanan dan impak program latihan” itu sendiri (Chek Mat, 2010). Apakah program SHIELDS berkesan dalam menghentikan tabiat kesukaan kepada dadah dalam kalangan pelajar? Kajian perlu dilakukan untuk menentukan perkara ini.

Selain itu juga pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak di negara kita terutamanya pihak kerajaan dan NGO dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah. Namun kadar penglibatan penyalahgunaan dadah tidak berkurangan malah semakin meningkat dari semasa ke semasa. Apakah ini bermakna modul SHIELDS kurang berkesan? Kajian perlu dilakukan untuk mengenalpasti perkara ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Peningkatan masalah sosial terutama di kalangan remaja hari ini adalah antara perkara yang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak. Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi serta jasmani. Masalah-masalah seperti salah laku, keganasan, persetubuhan haram, penyalahgunaan bahan dan lain-lain di kalangan remaja seakan-akan sudah sinonim dengan masyarakat kita pada hari ini (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2006).

Walaupun pelbagai program telah diatur oleh agensi kerajaan mahu pun bukan kerajaan bagi mengatasi masalah ini, ia masih sukar dibendung malahan semakin menjadi-jadi. Pendekatan pendidikan disifatkan sebagai benteng utama yang dapat menghalang generasi muda daripada terlibat dalam kegiatan jenayah dadah. Melalui pendekatan pendidikan ini, kesedaran tentang akibat kegiatan dadah dapat diterapkan sehingga wujud perasaan benci di kalangan generasi muda sama ada di peringkat pendidikan pra-sekolah sehinggalah peringkat tertinggi. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memberi kerjasama yang secukupnya dengan beberapa pihak berkuasa seperti Polis DiRaja Malaysia, Agensi

Dadah Kebangsaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dengan menganjurkan pelbagai program untuk mengajak warga pelajar supaya bersama-sama memerangi jenayah dadah.

Demi mencapai sasaran sekolah bebas dadah (*drug-free school*). Kementerian Pelajaran Malaysia mengatur pelbagai strategi pencegahan awalan bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar. Salah satu daripada strategi tersebut ialah melalui pelaksanaan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di sekolah. Program tersebut ditumpukan di sekolah kerana kajian menunjukkan penagih dadah mula mencuba dadah ketika mereka masih di bangku sekolah lagi iaitu dalam lingkungan usia 13 hingga 17 tahun (Mohd Muzafar Shah & Abdul Malek, 2005). Program PPDa merupakan salah satu daripada sistem sokongan sekolah ke arah menangani gejala sosial yang melibatkan golongan pelajar sekolah.

Antara strategi yang dilaksanakan untuk membasmi masalah dadah dalam sesebuah negara ialah melalui pencegahan yang lazimnya meliputi pendidikan pencegahan umun dan khusus. Dalam artikel Program Pendidikan Pencegahan Dadah oleh Profesor Dr. Mahmood Nazar Mohamed menyebut tentang hasil kajian pendidikan pencegahan dadah di sekolah adalah berkesan dan boleh dipraktikkan bagi mengurangkan masalah dadah dalam jangka masa panjang (Dusenbury, 1996; Botvin, 1997; Hansen, 1992; Perry, Kelder, Murray & Klepp, 1992). Menyedari kepentingan program pendidikan pencegahan dadah, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Pertubuhan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) telah melancarkan Program Skim Lencana Anti Dadah (SLAD) pada tahun 1986 di sekolah-sekolah di Malaysia dengan penerbitan Buku Log SLAD yang ditaja oleh Hong Kong dan Shanghai Bank. Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) yang utama di sekolah rendah terdiri daripada Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) dan Program Sifar Dadah Sekolah Rendah (PROSIDAR). Program PINTAR yang mefokuskan pelajar-pelajar tahun empat hingga tahun enam melibatkan lebih kurang 800 buah sekolah rendah di Malaysia. Manakala, Program PROSIDAR melibatkan kesemua sekolah rendah dari tahun satu hingga tahun enam di Malaysia. Program PROSIDAR dilancarkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian untuk menggantikan Program PINTAR mulai Jun 2008.

Manakala Program SHIELDS yang dikhaskan untuk pelajar sekolah menengah yang dijalankan untuk menerapkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran mengenai gaya hidup sihat dan mengupayakan diri untuk menolak pengaruh bahaya dadah dapat dijalankan supaya memberi kesedaran tentang bahaya dadah dan intervensi seterusnya agar tidak terus terjebak dengan gejala tersebut. Program SHIELDS ini bermatlamat untuk membendung pelajar yang bermasalah dadah daripada terus terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan juga memastikan pelajar yang berisiko tidak terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah.

Banyak kajian mendapati bahawa pencegahan dan pendidikan yang baik menekankan empat aspek utama pembangunan peserta yang mengambil kira daripada perancangan sehingga *follow-up* selepas program tersebut tamat. Empat aspek pembangunan pelajar tersebut merupakan aspek pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelek. Melihat kepada modul program SHIELDS yang digunakan dalam menjalankan program pencegahan awalan ini, didapati program SHIELDS ini telah memiliki empat kriteria ini. Walaupun telah dua tahun dilaksanakan (bermula daripada tahun 2011), sehingga kini masih tidak ada laporan dibuat mengenai keberkesanan program SHIELDS ini. Setakat hari ini kajian yang dibuat ke atas program ini hanya menumpukan kepada kepuasan pelajar terhadap program yang dihadiri. Kirikpatrik (1998) melihat kajian seperti ini sebagai *smile paper* sahaja kerana kajian yang dibuat tidak meninjau dengan mendalam tentang perubahan yang berlaku kepada pelajar. Kajian seperti ini bukan sahaja tidak komprehensif bahkan tidak melibatkan penilaian terhadap kurikulum modul itu sendiri. Apakah program SHIELDS ini mencapai matlamatnya? Apakah program ini benar-benar memberikan kepuasan kepada peserta? Kajian perlu dilakukan untuk mengenalpasti perkara ini. Walaupun mempunyai elemen pembangunan yang diharapkan, sehingga kini program SHIELDS yang hampir masuk tahun ketiga dilaksanakan ini belum lagi dikaji dari segi impaknya kepada pembangunan pelajar secara menyeluruh. Bahkan setakat hari ini tidak ada laporan susulan dipaparkan untuk membuktikan impak program ini terhadap pembangunan pelajar. Daripada aspek JERI pula. Apakah program SHIELDS memberikan impak kepada pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelek pelajar? Aspek manakah yang perlu diberi penekanan untuk penambahbaikan? Kajian harus dijalankan untuk melihat pembangunan pelajar

dalam empat aspek ini. Hasil kajian ini akan dapat digunakan dalam menambahbaik program SHIELDS dari segi kaedah, kandungan, perancangan, pengendalian dan *follow-up* program serta tumpuan yang perlu diberikan dalam semua fasa yang dilaksanakan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengkaji kesesuaian dan keberkesanan program SHIELDS. Secara khususnya, objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengkaji kepuasan pelajar terhadap program pencegahan dadah SHIELDS.
2. Mengkaji impak program pencegahan dadah SHIELDS ke atas pembangunan diri pelajar dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap.
3. Memberikan cadangan menambahbaik program pencegahan dadah SHIELDS untuk memastikan keberkesananannya.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kajian keberkesanan yang menekankan pencapaian objektif sesuatu program setelah program dilaksanakan, aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang menjadi tumpuan program ini dan berdasarkan jangka masa pelaksanaan Program Kem Sayangi Hidup Elak Dadah Selamanya (SHIELDS) setakat ini di sekolah-sekolah menengah di daerah Batu Pahat. Maka timbul persoalan kajian seperti disenaraikan :

1. Apakah tahap kepuasan peserta terhadap program SHIELDS?
2. Adakah tahap impak keberkesanan program SHIELDS ke atas pembangunan diri pelajar dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap ?
3. Apakah cadangan penambahbaikkan dalam program SHIELDS untuk memberi impak keseluruhan kepada pelajar?

1.6 Skop Kajian

Dalam usaha pencegahan dadah di kalangan pelajar, kita perlu mengkaji, meneliti dan memastikan bahan program atau aktiviti memberi kesan yang positif sama ada dari segi jangka panjang atau jangka pendek. Kepuasan pelajar terhadap program SHIELDS serta impak program pencegahan SHIELDS terhadap pengetahuan, kemahiran dan sikap merupakan aspek yang difokuskan dalam kajian ini.

Kajian-kajian yang dijalankan terhadap impak program pencegahan dadah dalam kalangan pelajar kebanyakannya menyentuh satu atau dua aspek sahaja. Banyak program pencegahan dadah kerap dinilai berasaskan kepuasan peserta atau pelajar terhadap program yang disertai. Namun begitu penilaian program tersebut kurang menyentuh empat aspek pembangunan pelajar hasil daripada penglibatan dalam program pencegahan dadah.

Kajian yang dijalankan ini menumpukan kepada impak program pencegahan dadah dalam kalangan pelajar sekolah menengah iaitu program SHIELDS. Kajian ini adalah berdasarkan teori penilaian program Model Kirkpatrick (1998). Menurut Kirkpatrick (1998), penilaian harus dibuat dengan serius dan teliti pada setiap tahap kerana setiap tahap mempunyai kepentingan dan dapat memberikan maklumat tertentu yang dapat digunakan dalam penentuan keberkesanan sesuatu latihan.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini adalah berbentuk *mixed method* (kaedah gabungan) iaitu gabungan kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Kajian ini menjurus kepada program pencegahan dadah di sekolah-sekolah menengah. Tempoh masa yang terhad iaitu selama empat bulan diberi untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci adalah amat sukar. Maka untuk melihat kesan program pencegahan terhadap perubahan pelajar daripada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam tempoh yang

panjang tidak dapat dilaksanakan. Ini kerana pengumpulan data dan maklumat memerlukan masa yang agak panjang seperti pengumpulan data daripada peserta-peserta program dan pegawai pelaksana bagi membantu melengkapkan lagi maklumat kajian ini.

Kajian ini hanya dilaksanakan di kalangan pelajar yang terlibat secara langsung dalam program SHIELDS di daerah Batu Pahat Negeri Johor. Hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi peserta di seluruh Malaysia. Hasil kajian terbatas kepada populasi satu daerah berkaitan sahaja. Dapatan kajian juga sangat bergantung kepada kejujuran peserta-peserta yang telah dipilih sebagai responden dalam memberikan jawapan dengan tepat dan benar kepada soal selidik yang dikemukakan.

Data dan maklumat yang lebih terperinci sangat diperlukan. Namun sepanjang kajian ini dijalankan, terdapat kekangan-kekangan yang dihadapi terutama dari segi sumber maklumat yang terhad memandangkan kurang terdapat kajian-kajian lepas yang mengkaji mengenai program pendidikan pencegahan dadah di sekolah-sekolah dan juga kajian yang berkaitan dengan undang-undang dadah di Malaysia. Keadaan ini menyukarkan lagi proses kajian dalam mengumpul dan mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan mendalam.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan dapat menilai kesesuaian dan keberkesanan program daripada beberapa sudut seperti kesesuaian aktiviti, keupayaan ahli jawatan kuasa, kebolehan fasilitator dan kemantapan sistem yang digunakan. Input daripada kajian ini dapat digunakan oleh pelbagai pihak terutama jentera pentadbiran negara dan pihak yang terlibat dalam melaksanakan program di daerah-daerah yang dikaji iaitu pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri secara khasnya untuk membuat penambahbaikan dan merencanakan pendekatan yang lebih berkesan. Maklumat yang diperolehi ini boleh digunakan oleh

pihak berkenaan dalam menyediakan program yang lebih mantap dan efektif dalam menyelesaikan permasalahan gejala penyalahgunaan dadah.

Hasil dapatan kajian ini penting kepada AADK kerana hasil kajian dijangka dapat memberi maklum balas berkenaan kekurangan dan kemampuan modul program pencegahan dadah SHIELDS yang dilaksanakan. Pengetahuan dan kesedaran tentang kekurangan yang wujud ini akan membolehkan unit pengurusan dan perancangan modul membuat penambahbaikan dengan segera. Maklumat ini membolehkan pembuat modul menyediakan program yang lebih mantap dan mampu mengurangkan permasalahan gejala penyalahgunaan dadah. Hasil kajian ini boleh dijadikan asas dan panduan untuk menambahbaik kandungan modul program pencegahan dadah SHIELDS.

Hasil kajian ini juga akan dapat memberi panduan kepada pihak AADK tentang keberkesanan program pencegahan dadah SHIELDS yang dikendalikan setakat ini. Ia juga akan dapat memberi input kepada fasilitator modul program pencegahan dadah SHIELDS mengenai kebolehan mereka menyampaikan ilmu dan kelebihan penggunaan modul pencegahan ini. Pengetahuan mengenai kekuatan ini akan membolehkan fasilitator mengubahsuai pelbagai pendekatan dalam pengendalian program sebegini di masa kelak. Hasil kajian ini memberi peluang kepada AADK untuk dijadikan garis panduan yang lebih komprehensif dalam perancangan dan pengendalian modul program pencegahan dadah dalam kalangan pelajar. Garis panduan yang dihasilkan akan mencakupi pelbagai aspek pembangunan pelajar iaitu pembangunan pelajar dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap.


Hasil dapatan kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada pihak seperti pelajar, guru, ibubapa dan masyarakat. Antara kepentingan kajian adalah memberi kesedaran terhadap individu terutamanya golongan pelajar terhadap penyalahgunaan dadah. Ini penting agar pelajar dapat menghindarkan diri mereka dari dibelenggu dadah seterusnya mampu mencapai matlamat ke arah negara bebas dadah menjelang 2015. Melalui dapatan ini juga ia dapat memberi keyakinan dan dorongan kepada pelajar untuk memilih rakan yang baik dalam usaha untuk menghindari diri dari terus

terjebak dalam penyalahgunaan dadah seterusnya membolehkan ibu bapa sedar terhadap peranan dan tanggungjawab mereka dalam mendidik anak-anak.

Kajian ini juga penting dalam memberi kesedaran kepada para pendidik untuk bersama-sama membantu mencegah penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar khususnya dan memberi kesedaran kepada keluarga, anggota masyarakat dan komuniti sekolah tentang usaha sama bagi mewujudkan langkah pencegahan untuk memerangi gejala penagihan dadah yang wujud di kalangan pelajar. Dengan itu kita dapat melahirkan generasi belia yang positif terutamanya dalam pembangunan modal insan yang lebih mantap sehingga mampu dengan sendirinya menolak pengaruh luar yang menyebabkan penyalahgunaan dadah selaras dengan perancangan strategik 25 tahun yang mengalih penumpuan daripada fokus kepada dadah beranjak kepada individu. Seandainya individu boleh membentuk daya tahan yang tinggi terhadap dadah, maka permintaan terhadap dadah dapat dihapuskan (Mahmood Nazar Mohamed, 2006).

1.9 Konseptual Kajian

1.9.1 Kerangka Kajian



Keberkesanan program diterjemahkan melalui kriteria yang berkaitan dengan perubahan dari segi tingkah laku kerja. Ia juga merangkumi perspektif yang mana

adakah latihan tersebut menjadikan individu atau kumpulan pekerja lebih produktif, efisien atau berguna kepada organisasi (Bedingham, 1997). Keberkesanan program merujuk kepada keadaan sejauh mana peserta telah mencapai matlamat yang dirancang dan dalam masa yang sama mencapai objektif latihan. Keberkesanan program ialah hasil atau output daripada sesuatu program latihan yang mencapai matlamat serta objektif yang telah ditetapkan dan memberi perubahan dari segi reaksi, tahap pembelajaran dan juga tingkah laku pekerja terhadap kerja mereka serta memberikan faedah kepada organisasi.

Kajian ini berbentuk penilaian terhadap impak program SHIELDS yang dilaksanakan oleh PPD dan AADK. Impak program ini melihat keberkesanan dari sudut organisasi (kendalian siapa), peserta dan komuniti (masyarakat, ibu bapa).

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada adaptasi dari *Model Kirkpatrick* (1998). Penggunaan model ini untuk menilai keberkesanan program yang dijalankan. Menurut Ibrahim Mamat (2006), penilaian ialah proses mengumpul, menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang berguna untuk menentukan setakat mana pelajar mencapai objektif program. *Kirkpatrick* (1994) menyatakan bahawa penilaian adalah sains dan seni. Sebagai sains, penilaian merupakan pengetahuan yang tersusun dan terkandung dalam konsep, teori, prinsip-prinsip dan teknik-teknik. Sebagai suatu seni pula, penilaian merupakan aplikasi pengetahuan yang tersusun kepada situasi sebenar dalam usaha mendapatkan keputusan secara praktikal seperti yang diinginkan. Fisher C.D et al. (1990) menyatakan penilaian sebagai satu proses untuk menentukan sejauh mana aktiviti latihan yang dijalankan telah mencapai matlamat yang ditetapkan. Objektif asas penilaian ialah untuk menentukan sama ada latihan tersebut telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan.

1.9.2 Teori Kajian Kirkpatrick

Model Penilaian yang akan digunakan dalam kajian ini adalah Model Penilaian Kirkpatrick (1998). Melalui Penilaian Empat Tahap iaitu Tahap Reaksi,

Tahap Pembelajaran, Tahap Tingkah laku dan Tahap Keberhasilan. Pada tahap reaksi dalam aspek penilaian, tahap pertama dalam Model Kirkpatrick ini mengukur bagaimana individu yang terlibat dengan program latihan memberikan reaksi terhadap kandungan kursus, persembahan dan aktiviti dalam program yang telah disertai. Ia juga dinilai di akhir kursus berdasarkan kepuasan peserta. Penilaian ini penting bukan sahaja mendapatkan reaksi terhadap latihan tetapi perlu mendapatkan reaksi yang positif dan memberikan hasil. Dalam proses ini, pengkaji ingin mengetahui apakah pandangan peserta kursus terhadap kandungan program, teknik persembahan atau kaedah penyampaian dan pengajaran yang digunakan, persekitaran tempat pembelajaran serta peralatan yang digunakan sewaktu latihan.

Bagi tahap pembelajaran, ia boleh ditafsirkan sebagai tahap di mana peserta mengalami perubahan tingkah laku, peningkatan pengetahuan dan peningkatan kemahiran sebagai hasil daripada mengikuti program latihan (Kirkpatrick, 1994). Pembelajaran merupakan proses atau pengalaman peserta yang menghadiri program latihan dalam mendapatkan pengetahuan atau kemahiran baru. Untuk tahap tingkah laku pula diterjemahkan sebagai tahap yang mana perubahan terhadap tingkah laku berlaku disebabkan oleh peserta menyertai program latihan. Tahap tingkah laku merujuk kepada sejauh mana perubahan tingkah laku berlaku kesan daripada program latihan yang dihadiri oleh mereka. Penilaian adalah merujuk kepada kebolehan peserta untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam aktiviti hariannya. Tahap keberhasilan pula melihat bagaimana keberkesanan serta impak daripada program latihan yang disertai oleh peserta program dan kesan yang nyata yang boleh ditunjukkan oleh peserta.

Rasionalnya dalam kajian yang dijalankan ini menggunakan Model Kirkpatrick sebagai rekabentuk terawal dan susun atur untuk penilaian latihan yang mana pengaruh populariti model ini dapat dilihat daripada beberapa faktor. Model ini telah memperkenalkan keperluan kepada keprofesionalan latihan untuk memahami proses penilaian latihan yang berbentuk sistematik (Shelton & Alliger, 1993). Ianya melengkap sistem yang terus terang (*straightforward system*) atau dalam bahasa yang mudah, model ini digunakan berkaitan dengan *outcome* latihan dan jenis informasi yang membolehkan ianya melengkap untuk menilai terhadap keluasan

mana-mana program latihan bagi pencapaian matlamat. Model ini telah menegaskan bahawa informasi terhadap *outcome* ditahap empat merupakan tahap yang sangat bernilai atau informasi diskriptif berkaitan latihan yang telah dicapai. Bagi para profesional latihan dalam organisasi, fokus keperluan yang utama ini adalah begitu sepadan dengan orientasi keuntungan yang kompetatif dari penajanya.

Model empat tahap ini sesungguhnya telah memberikan kaedah kepada jurulatih dalam organisasi untuk pencapaian apa yang mereka lakukan dalam terma perniagaan. Populariti model empat tahap ini juga merupakan fungsi terhadap potensinya bagi memudahkan proses yang kompleks dalam penilaian latihan. Model ini melakukan beberapa kaedah; menggambarkan panduan yang jelas berkaitan jenis-jenis persoalan dan kriteria yang bersesuaian dan mengurangkan tuntutan pengukuran terhadap penilaian latihan.

Model Kirkpatrick telah memberikan sumbangan yang sangat bernilai kepada pemikiran dan pengamalan dalam bidang penilaian latihan. Ianya membantu memfokuskan amalan dalam penilaian latihan bagi pencapaian *outcome*, (Newstom, 1995), telah menggalakkan penekanan bahawa pengukuran *single outcome* tidak membayangkan kecukupan terhadap program latihan sesebuah organisasi yang sangat kompleks dan menegaskan betapa pentingnya menyelidiki kepelbagaian pengukuran bagi keberkesanan sesuatu latihan. Model ini juga memberikan kesedaran betapa pentingnya memikirkan tentang penilaian dalam terma sesuatu perniagaan (Wang, 2003).

Berdasarkan kepada Model Penilaian Kirkpatrick (1998), pada asasnya keempat-empat tahap adalah penting untuk memberikan informasi yang bernilai. Meskipun tahap 1, yang mana ianya kelihatan seolah-olah menggambarkan tahap kepuasan peserta sahaja, tetapi ia sebenarnya membantu jurulatih (*trainer*) untuk menentukan “bagaimana” keberkesanan program latihan dan “bagaimana” ianya boleh dipertingkatkan. Giber *et al.* (2000) telah menyelidiki program pembangunan kepimpinan mendapati 93% diukur melalui reaksi, 33% pembelajaran, 86% perlakuan, dan 73% hasil, dan menegaskan bahawa “ *the success of leadership development program should be observed in “how” participants use their education and respond*

to it". Yang lebih utamanya model ini membincangkan bagaimana dan mengapa (why) atau sebab sesuatu penilaian itu perlu dilaksanakan, iaitu objektif penilaian itu sendiri.



Rajah 1 : Model Kirkpatrick's

1.9.3 Model Penilaian Empat Tahap oleh Kirkpatrick

Berdasarkan rajah 1, Pada tahap pertama, latihan dinilai di akhir kursus berdasarkan kepuasan peserta terhadap kandungan kursus, persembahan dan relevannya dengan tugas pekerja. Menerusi tahap dua, fokus impak adalah ke atas perolehan pengetahuan, kemahiran dan sikap hasil daripada mengikuti latihan. Pada tahap ketiga, penilaian adalah merujuk kepada kebolehan peserta untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap ke atas kerjanya. Manakala pada tahap keempat, penilaian dilakukan ke atas output organisasi hasil aplikasi pengetahuan, kemahiran dan sikap tersebut.

1.10 Definisi Istilah

Bahagian ini mengemukakan definisi konseptual beberapa elemen penting menurut pelbagai tokoh dan para penyelidik. Definisi yang dikemukakan adalah berguna sebagai panduan dan rujukan khususnya bagi menjelaskan konsep yang dikaji.

1.10.1 Dadah

Dadah ialah apa-apa juga bahan kimia, sama ada asli atau tiruan, apabila dimasukkan ke dalam tubuh secara disuntik, dihidu, dihisap atau dimakan boleh mengubah fungsi tubuh badan seseorang atau organism dari segi fizikal atau mental.

Menurut Dzulkifli Abdul Razak (2004), Dadah merupakan satu istilah khas kepada sejenis bahan yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang. Dadah boleh menjejaskan jasmani (fizikal), rohani (mental dan emosi) serta tingkah laku. Allister Vale (2003) pula mentakrifkan dadah sebagai apa sahaja bahan *chemical substance* yang apabila masuk ke dalam tubuh manusia menyebabkan perubahan sama ada daripada aspek kebaikan atau keburukan. Penggunaannya boleh dilakukan dengan cara dihidu, ditelan, disuntik atau diminum dan tabiat pergantungan kepada dadah amat sukar dikekang dan diatasi.

Abdul Ghafar Taib (1995) mendefinisikan dadah sebagai bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang daripada segi jasmani (fizikal), rohani (mental dan emosi) serta tingkah laku pengguna apabila digunakan. Akibatnya seseorang yang menggunakan dadah akan terus bergantung hidup kepada dadah tersebut dan menyebabkan ketagihan. Penagih sanggup mengadaikan maruah serta menghambakan diri kepada sesiapa sahaja dalam sebarang keadaan asalkan bekalan dadah yang diinginkan diperolehi mereka dengan perkataan lain, penyalahgunaan dadah boleh mendatangkan maut.

Mohd Redzuan (1990) mendefinisikan dadah sebagai apa jua bahan kimia sama ada ianya asli ataupun tiruan, yang diperolehi dari pokok, daun atau getah, apabila dimasukkan kedalam tubuh badan secara dimakan, dihisap atau disuntik, boleh mengubah struktur atau fungsi tubuh badan secara kekal atau sementara. George (1990) menyatakan dadah merupakan bahan kimia psikoaktif yang digunakan bukan untuk tinjauan perubatan tetapi untuk kegunaan yang dilarang. Bahan-bahan ini menyebabkan pergantungan secara fizikal dan psikologikal serta toleransi yang meningkat. Penggunaan dadah mengakibatkan kesan buruk kepada kesihatan diri, menjejaskan keharmonian struktur keluarga, masyarakat dan negara. Takrif bahan ini tidak meliputi alkohol, tembakau dan bahan inhaled.

Kementerian Pelajaran Malaysia pula telah mendefinisikan dadah dalam buku keluarannya “Mencegah Salahguna Dadah Melalui Kaunseling” (1983) sebagai sebarang bahan atau bahan kimia yang digunakan pada tubuh badan manusia atau haiwan untuk menyiasat, merawat, mencegah penyakit atau membaiki keadaan kesihatan. Apabila disalahgunakan ia akan mengakibatkan ketagihan, menjejaskan kesihatan atau keruntuhan akhlak pengguna.

Dalam kajian ini, dadah adalah bahan kimia yang boleh mengakibatkan seseorang individu hilang pedoman, akal, pemikiran, pertimbangan dan tidak tahu diri sendiri apabila dadah itu disalahgunakan atau digunakan secara berlebihan. dadah ternyata lebih banyak membawa kesan padah berbanding kesan positif.

1.10.2 SHIELDS

SHIELDS merupakan akronim bagi nama program “Sayangi Hidup Elak Dadah Selamanya” yang dipelopori oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

1.10.3 Keberkesanan

Menurut Khalid (1993) dalam bukunya yang bertajuk “Kaedah Pembelajaran Berkesan”, keberkesanan diistilahkan sebagai satu usaha yang teratur, bersistem, bertatertib serta optimum yang menyepadukan dan memanfaatkan kesemua komponen pembelajaran untuk mencapai kejayaan yang paling maksimum (terbaik). Menurut Kamus Dewan (2010), memberi maksud perihal berkesan, berkesannya (sesuatu tindakan, perubahan dan sebagainya), sesuatu tindakan dapat dilihat daripada hasil yang diperolehinya sesudahnya. Dalam kajian ini, keberkesanan menunjukkan impak program SHIELD.

1.10.4 Keberkesanan Program

Keberkesanan program diterjemahkan melalui kriteria yang berkaitan dengan perubahan dari segi tingkah laku kerja. Ia juga merangkumi perspektif di mana latihan tersebut menjadikan individu atau kumpulan pekerja lebih produktif, efisien atau berguna kepada organisasi (Bedingham, 1997). Keberkesanan program merujuk kepada keadaan di mana peserta telah mencapai matlamat yang dirancang dan dalam masa yang sama mencapai objektif latihan. Objektif yang dirancang berkaitan dengan meningkatkan efisien serta meningkatkan kualiti kerja, kepuasan pelanggan, inovasi dan kepuasan kerja (Nahavandi dan Malekzadeh, 1999).

Dalam kajian ini, keberkesanan program ialah hasil atau output daripada sesuatu program latihan yang mencapai matlamat serta objektif yang telah ditetapkan dan memberikan perubahan dari segi reaksi, tahap pembelajaran dan juga tingkah laku pekerja terhadap kerja mereka serta memberikan faedah kepada organisasi.

1.10.5 Pencegahan

Menurut Kamus Dewan (2010), pencegahan membawa maksud perihal (perubatan dan sebagainya) mencegah, penegahan, penolakan, pengawalan (pengawasan). Mengikut *Dictionary of Psychology (2009)* pencegahan bermaksud *to keep something from happening*.

Pencegahan yang dimaksudkan di sini ialah intervensi atau usaha untuk mengubah atau mengganggu proses yang berlaku pada masa akan datang. Justeru, tindakan intervensi merupakan tindakan diperingkat awal yang bertujuan mencegah daripada terjadinya perlakuan diperingkat kedua. Mengikut *Burt, Resnick dan Novik (1998)* intervensi peringkat awal berbentuk pencegahan dan perkembangan boleh membantu untuk mengenalpasti ciri-ciri remaja berisiko dan seterusnya menjalankan usaha-usaha pencegahan untuk membantu remaja berkenaan untuk menghindari daripada terlibat dengan tingkah laku bermasalah seperti terlibat dalam penyelewengan seksual, ponteng sekolah, penyalahgunaan dadah, lari dari rumah dan terlibat dalam kelompok rakan sebaya delinkuen. Jamaluddin (2009) turut menjelaskan bimbingan kelompok perkembangan adalah membantu individu yang mempunyai masalah dari segi sifat, sikap, pegangan dan pandangan.

1.10.6 Penagih Dadah

Mengikut tafsiran Penagih Dadah (seksyen 2), “Penagih Dadah” ertinya seseorang yang melalui penggunaan mana-mana dadah berbahaya, mengalami satu keadaan psiki dan kadang-kala keadaan fizikal yang dicirikan dengan gerak balas, tingkah laku dan gerak balas lain yang dipengaruhi desakan mengambil dadah secara berterusan atau berkala untuk mengalami kesan psikiknya dan untuk mengelakkan ketagihan kerana ketiadaannya. Menurut Mohd Reduan (1990), seseorang itu akan dikatakan sebagai penagih apabila ianya menggunakan berbagai jenis dadah tanpa nasihat atau arahan daripada doktor. Dadah-dadah itu mungkin diambil dengan cara makan, minum, hisap, sedut atau suntik dan sebagainya. Penggunaan dadah itu telah

menjadi 'tabiat' yang mesti diamalkan. Jika tidak, ianya akan meninggalkan kesan yang buruk kepada pengguna dadah tersebut.

1.10.7 Program

Menurut Kamus Dewan (2010), program ialah rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan (dalam pembangunan negara, perekonomian dll). Dalam kajian ini program bermaksud Program Pencegahan Dadah SHIELDS.

1.10.8 Pembangunan Pelajar

Menurut Abdul Jalil Borham (1996), pembangunan manusia merangkumi perangai, sikap, motivasi, kemampuan mental, fizikal dan sebagainya. Dalam kajian ini, pembangunan pelajar adalah dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap.

1.10.9 Jasmani

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), jasmani bermaksud badan, tubuh. Perubahan yang berlaku pada keadaan jasmani kanak-kanak dapat dilihat pada perubahan tingkah lakunya (Mohd. Sharani Ahmad, 2004). Dalam kajian ini, unsur jasmani memberi tumpuan kepada perkembangan anggota-anggota tubuh badan dengan cekap dan sihat. Dengan unsur jasmani pelajar seharusnya dapat memperkembangkan bakat dan kemahiran teknikal, memanipulatif dan bersosial. Jasmani yang sihat secara dasarnya bermaksud memiliki tubuh badan yang sihat bebas daripada najis dadah.

1.10.10 Rohani

Mengikut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998), rohani adalah dierti sebagai batin yang berkaitan dengan roh, rohaniah atau jiwa. Rohani pula merupakan sesuatu yang berlawanan dengan jasmani, iaitu perkara yang bukan berbentuk fizikal dan tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Imam Al-Ghazali (1058-1111) mentafsirkan rohani sebagai perkara yang terdiri daripada akal, nafsu jiwa dan roh. Dalam kajian ini, rohani bermaksud perubahan sikap diri peserta selepas menghadiri program.

1.11 Penutup

Program Sayangi Hidup Elak Dadah Selamanya (SHILEDS) yang dirancang dan dilaksanakan adalah program pencegahan awalan yang berfokus kepada pelajar sekolah menengah. Program ini memerlukan sejumlah perbelanjaan yang banyak yang membawa matlamat untuk meningkatkan kesedaran dan mengupayakan ketahanan diri pelajar dalam lingkungan umur 13 hingga 18 tahun yang dikenali pasti berisiko dalam penyalahgunaan dadah.

Pelajar merupakan golongan terbesar dalam kategori belia yang merupakan golongan yang amat signifikan dalam mencorakkan sesebuah negara dalam membentuk generasi dan kepimpinan akan datang. Bagi anak pelajar yang terlibat dengan program ini, jati diri dan kesanggupan untuk berubah amat penting bagi memisahkan diri bebas dari ancaman dadah.

RUJUKAN :

- Abdul Ghafar Taib. (1991). *Dadah: Strategi Dan Kawalan Di Sekolah-sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ghafar Taib. (1995). *Cuma Lima Minit Anti Dadah*. Kuala Lumpur: Percetakan Rina Sdn. Bhd.
- Abdul Ghafar Taib. (1995). *Dadah Strategi Dan Rawatan Di Sekolah-sekolah*. Kuala Lumpur: Percetakan Rina Sdn. Bhd.
- Abdul Halim & Mohd Muzafar Shah. (2008). *Pencegahan Penyalahgunaan Dadah: Isu Dan Prinsip-prinsip Pencegahan Dalam Penyalahgunaan Dadah: Panduan Untuk Kaunselor, Guru, Ibu Bapa Dan Masyarakat*. Nilai, USIM, Negeri Sembilan.
- Abdul Muin Sapidin. (2006). *Harga Perangi Dadah*. Utusan Malaysia, 11 Julai.
- Abdul Razak. (1995). *Dadah: Senario Yang Membimbangkan*. Dewan Kosmik. National Poison Centre. USM.
- Ahmad Nasrul Hakim Mamat @ Ariffin & Mohd Anuar Abdul Rahman. *Kesan Persekitaran UTM Terhadap Pembangunan Rohani Pelajar Pendidikan Teknik Dan Kejuruteraan (PTK)*.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2005). *Dadah: Apa Anda Perlu Tahu*. Kuala Lumpur: Delmu (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2006). *Garis Panduan Bimbingan dan Kaunseling Terapi Gantian Methadone*.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2007). *Jurnal Antidadah Malaysia: Malaysian Anti Drugs Jurnal*, Bil 1, Jun 2007, Issn 1985-2007. Agensi Antidadah Kebangsaan dan Kementerian Keselamatan dalam Negeri, Putrajaya.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2007). *Jurnal Antidadah Malaysia: Malaysian Anti Drugs Jurnal*, Jld 1, No 2, Disember 2007, ISSN 1985-2007. Agensi Antidadah Kebangsaan dan Kementerian Keselamatan dalam Negeri, Putrajaya.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2007). *Dadah Musuh No.1 Negara*. Thinker's Library Sdn. Bhd.

- Asmah Bee Mohd Noor dan Iran Herman. (1995). *Membina Kesejahteraan Remaja. Bandar Baru Bangi: Tekno Edar.*
- Azizah Besar. (2008). *Journal Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Pelajar. Satu Kajian Di Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka.* Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya et. al. (2006). *Psikologi Sosial Alam Remaja. Kuala Lumpur: Pencetakan Zafar Sdn. Bhd.*
- Azizi Yahaya et. al. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan : Teori, Analisis dan Interpretasi Data.* Kuala Lumpur. PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Bates, M. E. & Labouvie, E. W. (1995), *Personality – Environment Constellations And Alcohol Use; A process Oriented Study Of Intraindividual Change During Adolescence. Psychology of Addictive Behaviors, 9(1), 96-113*
- Bedingham K. (1997). *Proving the Effectiveness of Training (Industrial and Commercial Training).* United Kingdom. MCB University Press.
- Block, R. I, & Farnham, S. (1990). *Long Term Marijuana Use And Subsequent Effect On Learning And Cognitive Functions Related To School Achievement; Preliminary Study, 96-111.* National Institute Of Drug Abuse Research Monograph Series, (101). Washington D. C. US Government Printing Office.
- Borg. W. R., & Gall. M. D., (1983). *Educational Research: An Introduction (4th Ed.),* New York, NY: Longman, Inc.
- Bui, T. T. (2000). Cross-lagged Relationship Among Adolescent Problem Drug Use, Delinquent Behaviour And Emotional Distress. *Journal of Drug Issues, 30(2), 96-113.*
- Buku Panduan Pelaksanaan PPDa Di Sekolah. (2003). Kementerian Pendidikan Malaysia. Percetakan Warni Sdn. Bhd.
- Burt, M. R., Resnick, G., Novick, & E. R. (1998). *Building Supportive Communities For At-risk Adolescents.* Washington, DC: American Psychological Association.
- Chek Mat. (2010). *Pengurusan Modul Latihan Professional.* Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Coombs, R. H. & Ziedonis, D. (1995). *Handbook On Drug Abuse Prevention: A Comprehensive Strategy To Prevent The Abuse Of Alcohol And Other Drugs.* Boston: Allyn and Bacon.

- Creswell, J. W. (2005). *Educational Research - Planning, Conducting, And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*. Ed. ke-2. New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Creswell, J. W. & Clark, V. L. P. (2007). *Designing And Conducting Mixed Methods Research*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Curran, H., Helene, R. & Stephen, H. Spring, (2000). Personality, Environment And Problem Drug Use. *Journal of Drug Issues*, 30(2), 45-55.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka (2000). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur.: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka (2005). *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*. Kuala Lumpur : Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Deykin, E., Levy, J. C. & Wells, V. (2000). Adolescent Depression, Alcohol And Drug Abuse. *American Journal of Public Health*, 76, 30-45.
- Dryfoos, J. G. (1990). *Adolescents At Risk. Prevalence And Prevention*. Oxford: Oxford University Press.
- Eisenberg, N. & Fabes, R. A. (1992). Emotion, Regulation And The Development Of Social Competence. *Journal of General Psychology*, 161(1), 20-31
- Fertman, C. & Toca, A. (1989). A Drug And Alcohol Aftercare Service: Linking Adolescents, Families And Schools. *Journal of Alcohol and Drug Education*, 34(2), 21-29
- Freud, A. (1958). *Adolescence In Psychoanalytic Study of The Child*. New Haven: Yale University Press. Vol. 13, pp 255-278.
- Frisher, M., Crome, I., Green, C., Willoughby, R., Smith, A., Harris, P. (1990). Individual And Population Risk Of Drug Use Among Adolescents Attending An English Youth Offending Team: An Epidemiological Approach. *The Journal of Forensic Psychiatry & Psychology*. 16(1): 11-23.
- George, R. L. (1990). *Counseling The Chemically Dependent.: Theory and Practice*. New Jersey: Prentice Hall.
- Gibson, James L., Ivancevich, Donnelly, Jr, (1995). *Organisasi: Perilaku, Struktur, Proses*. Edisi I. Bina Rupa Aksara, Jakarta.
- Hasan Hj. Mohd. Ali. (1996). *Checklist Keluarga Bahagia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Hemmelstein, N. (1995). Adolescent Marijuana Use And Perception Of Risk. *Journal of Alcohol and Drug Prevention*, Fall, 41(1), 72-85

- Husen T. & T. N. Postlethwaite. (1985). *The International Encyclopedia of Education 5 & 6*. Oxford: Pergamon Press Ltd.
- Hussain Habil & Mustafa Ali Mohd (1999). *Penyalahgunaan Dadah: Hidup Tak Bererti Maut Menanti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Mamat. (2006). *Reka bentuk dan Pengurusan Latihan, Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamaludin Ahmad. (2009). *Modul & Kaunseling Penyalahgunaan Dadah*. Universiti Putra Malaysia. Serdang, Selangor.
- Jazmi Md Isa. (2009). *Gaya Kepimpinan Pengetua dan Kepuasan Kerja Guru: Kajian Perbandingan antara SMKA dengan SMK*. Disertasi Ijazah Sarjana. Tidak Diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Judy Gan. (1995). *Pendidikan Pencegahan Dadah & Aids*. Tempat: ISBN-983-9743-13-9. Focusprint Sdn. Bhd.
- Jumaat Dato' Haji Mohd. Noor. Pencegahan Penggunaan dan Penagihan Dadah di kalangan Remaja: Pengalaman dan Pencapaian PEMADAM Malaysia. Dalam Mahmood. N. M. et. al. (2006). *Mencegah, Berawat Dan Amalan Penagihan DADAH: Beberapa Pendekatan Dan Amalan Di Malaysia*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Kajian Penyalahgunaan Dadah. Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Generasi Muda. 2008. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (Youth Research). Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Kaplan, D. B. (1996). The Parental And Peer Contexts Of Adolescent Deviance: An Algebra Of Interpersonal Influences. *Journal of Drugs Issues*, 26.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1983). *Mencegah salahguna dadah melalui kaunseling*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2002). *Laporan Ekonomi 2002/2003*. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1988). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Kuala Lumpur, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi*, Pusat Pembangunan Kurikulum, Kuala Lumpur, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kerlinger, FM. (1986). *Foundation of Behavioral Research*. (3rd ed.) New York: Winston Inc.

- Khalid Mohamed Nor. (1993). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) sdn. Bhd.
- Kirkpatrick, D. L. (1998). *Evaluating training programs: The four levels* (2nd ed.). San Francisco, CA: Berrett-Koehler Publishers.
- Kirkpatrick, D. L. (1994). *Evaluating training programs: The Four Levels*. Ed. Pertama. San Francisco, CA: Berret-Koehler Publishers, Inc.
- Latihan Peningkatan Personaliti. Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Generasi Muda. (2008). Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (Youth Research). Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Laporan Dadah Tahunan. Mac. (2012). Agensi Antidadah Kebangsaan. Kementerian Dalam Negeri.
- Laporan Dadah Tahunan. Jan-Nov. (2007). Agensi Antidadah Kebangsaan. Kementerian Dalam Negeri.
- Loke Kwok Hien & Mohd Hussain Habil (1997). *Asas Psikiatri*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah. (2003). *Psikologi*. (2nd ed.). Universiti Putra Malaysia, Shah Alam: Mc Graw-Hill.
- Madaus, G.F., Stufflebeam, D.L., & Scriven, M.S. (1983). *Program Evaluation: A Historical Overview*. In G.F. Madaus, D.L. Stufflebeam, & M.S. Scriven (Eds.). *Evaluation Models: Viewpoints on Educational and Human Services Evaluation* Boston: Kluwer Nijhoff.
- Mahmood Nazar and Don, Yahya and Hassan, Mohamad and Kasa, Muhamad Dzahir (2005). Program Pendidikan Pencegahan Dadah SLAD: Adakah Ia Berkesan Mencapai Matlamatnya? *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 2. pp. 1-16. ISSN 2180-2483
- Mahmood Nazar Mohamed. (2006). *Fenomena Penagihan Dadah Masa Kini*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mahmood Nazar Mohamed et. al. (2006). *Mencegah, Merawat Dan Memulihkan Penagihan Dadah, Beberapa Pendekatan Dan Amalan Di Malaysia*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mahmood, N. M., Shuaib Che Din & Ismail Ishak. (1998). *Keberkesanan Rawatan Dan Pemulihan Dadah: Modaliti Kerohanian dan Traditional Malaysia*. Laporan Akhir Penyelidikan, Universiti Utara Malaysia.

- Mahmood Nazar Mohamed. (2001). Fenomena Penagihan Dadah Masa Kini. Dalam Fauziah Shafie dan Abdul Razak Abd. Manaf (Eds.). *Pengenalan Kerja Sosial: Artikel-artikel Pilihan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdh. Bhd.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2005). Kemurungan di Kalangan Penagih Dadah. *Jurnal Psikologi Malaysia Vol: 19*. (43-56). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahyuddin Arsat & Azizah Besar. Satu Kajian Di Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka. *Journal Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Marshall B. Clinard & Robert F. Meier. (2004). *Sociology of Deviant Behavior (12th Edition)*. Wadsworth/Thomson Learning. USA.
- Majid dan Rosmin (1989), *Penggunaan Dadah di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah*: Jabatan Psikologi, UKM, ms 92-107.
- Mc Whirter, J. J. (2004). *At Risk Youth : A Comprehensive Response For Counselors, Teachers, Psychologists and Human Service Professionals. (3rd Edition)*. Canada : Thomson Learning Academic.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (1998). *Kaunseling Penggunaan Dadah*. Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh, Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Mohamed Izham Mohamed Ibrahim, Razak Lajis & Mohd Isa Abdul Majid (2002). *Mengenal Dadah Dan Bahayanya Terhadap Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. m.s. 3-13.
- Mohamed Izham Mohamed Ibrahim, Razak Lajis & Mohd Isa Abdul Majid (2002). *Mengenal Dadah Dan Bahayanya Terhadap Masyarakat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka. m.s. 14-24.
- Mohanaraj, K. (2003). *Penyalahgunaan Bahan Merbahaya Di Kalangan Pelajar Di Sebuah Sekolah Menengah Swasta Di Daerah Klang*. M.A. thesis. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Dahlan A. Malek, Beddu Salam Baco & Mohd. Sharani Ahmad. (2007). *Prosiding Persidangan Dadah Kebangsaan: Pendekatan Inovatif Dalam Pencegahan Dan Pemulihan*. McGraw-Hill. Universiti Malaysia Sabah.

- Mohd Hafiz Kamarudin (2006). *Pembangunan Sahsiah Pelajar Dan Peranannya Dalam Pencegahan Masalah Gejala Sosial: Satu Kajian Di Kolej 10*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Ismail Mustari (2004). *Kajian Sahsiah Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Muar dan Ledang, Johor*. Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Muzafar Shah Mohd Razali & Abdul Malek Abdul Rahman (2005). *Peranan Kaunselor Dalam Mencegah Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Pelajar Sekolah*. Kertas kerja yang dibentangkan di Konvensyen Persatuan Kaunseling Malaysia Anjuran Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA). ESSET, Bangi. 24-26 Jun.
- Mohd Najib Abd Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Noorazam Abd. Razak. (2007). *Keberkesanan Pengajaran Terhadap Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Murid Tingkatan Empat di Sebuah Sekolah Menengah Lembah Klang*. Prosiding Persidangan Dadah Kebangsaan 1; Pendekatan Inovatif Dalam Pencegahan dan Pemulihan. (121-131).
- Mohd Redzuan Aslie (1990) *Krisis Dadah*. Nota Induksi Rawatan Pemulihan Teras PSBW. Amk Interaksi Sdn. Bhd, Kuala Lumpur
- Mohd Salleh Lebar (1999). *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Suhaimi Khalid (2008). *Pembinaan Modul Program Pembangunan Sahsiah Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Morgan, P. (1993). Substance Use Prevention And Students With Behavioral Disorders; Guidelines For School Professional. *Journal of Emotional and Behavioral Disorders*, July, 1(3), 21-32
- Nadler, L. (1983). *Designing Training Programs - The Critical Events Models*. California: Addison-Wesley Publishing Company.
- Nahavandi, A., dan A. R. Malekzadeh. (1999). *Organizational Behaviour: The Person-Organization Fit*. New Jersey: Prentice Hall.

- Nagoshi, C. T., Wilson, J. R. & Rodriquez, L. A. (1991). *Impulsivity, Sensation Seeking And Behavioural And Motional Response To Alcohol*, 15(4).
- Nathan, P. E. (2000). *Residual Effects Of Alcohol. National Institute On Drug Abuse Research Monograph Series* (101). Washington, D. C. : Government Printing Office.
- Newcomb, M. D., Fahy, B. & Skager, R. (1990). Reasons To Avoid Drug Use Among Teenagers: Association With Actual Drug Use And Implications For Prevention Among Different Demographic Groups. *Journal of Alcohol and Drug Education*, 36(2), 121-135
- Newstrom, J. W. (1995). *Review of "Evaluating Training Programs; The Four Levels by D. L. Kirkpatrick."* Human Resource Development Quarterly, 6, 317-319
- Nik Mohd Zaini (1991). *Sebab-Sebab Pengambilan Dadah: Penglibatan Dengan Rawatan: Cara Menghindarkan Diri Daripada Dadah dan Cara Mengatasi Masalah Pengambilan Semula Dadah: Kajian Kes di Pusat Serenti Besut, Terengganu. Bangi: UKM.*
- Nixon, J. (1992). *Evaluating The Whole Curriculum*. Philadelphia: Open University Press.
- Noorhayati Kosen (2009). *Persepsi Pelajar Tahun 4 PTK (Kejuruteraan Awam/ Mekanikal/ Elektrik/ Kemahiran Hidup) Terhadap Program Pembangunan Sahsiah Pelajar Dari Aspek JERI Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.*
- Ornstein, A. and Hunkins., (1998). F. *Curriculum: Foundations, Principle And Issues*. Boston, MA: Allyn & Bacon. *Chapter 10: Curriculum Implementation.*
- Pagliero, A. M. & Pagliero, L. A. (1996). *Substance Use Among Children And Adolescents: Its Nature, Extent And Effects From Conception To Adulthood*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Papalia, D. E. dan Olds, S. W., (1978). *"Human Development"*. New York : Mc Graw Hill.
- Pasukan Petugas Anti Dadah (1992) *Dadah, Apa Anda Perlu Tahu*. Majlis Keselamatan Negara. Jabatan Perdana Menteri. Delmu Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.

- Pengenalan Mengenai Dadah. Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Generasi Muda. (2008). Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (Youth Research). Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Razali Arof. (1991) *Pengantar Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Robiah Sidin. (2003). *Teori Pentadbiran Pendidikan: Satu Pengenalan*. Bangi: UKM.
- Rohde, P. P, Lewinsohn, M. & Seeley, J. R. (1996). Psychitric Comorbidity With Problematic Alcohol Use In High School Students. *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry*, 35(1).
- Sabri Che Man. (2004). Wacana Wawancara Formal Bahasa Melayu: *Satu Kajian Etnografi Komunikasi*. Serdang: UPM.
- Scourfield, J., Stevens, D. E. & Merikangas, K. R. (1996). *Substance Abuse, Comorbidity And Sensation Seeking : Gender Differences*. *Comprehensive Psychiatry*, 37, 1161-1179.
- Spencer, C. P. & Navaratnam, V. (1976). *Laporan Kajian Penggunaan Dadah Di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Negeri Pulau Pinang Dan Selangor*. Siri Manograf No. 3. Pulau Pinang: Pusat Penyelidikan Dasar, Universiti Sains Malaysia.
- Spencer, C. P. & Navaratnam, V. (1978). *Drug Abuse in East Asia*. Petaling Jaya, Oxford University Press.
- Shelton, S. & Alliger, G. (1993). *Who's Afraid of Level 4 Evaluation?: A Practical Approach*. Training & Development – June.
- Smith, M L, & Glass, G V. (1987). *Research And Evaluation In Education And The Social Sciences*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Stacy, P., Newcomb, M. D. & Bentler, P. M. (1992). Interactive And Higher Order Effects Of Social Influences On Drug Use. *Journal of Health and Social Behaviour*, 33.
- Stacy, A. W., Newcomb, M. D. & Bentler, P. M. (1992). Personality, Problem Drinking And Drunk Driving: Mediating, Moderating And Direct Effect Models. *Journal of Personality and Social Psychology*, 60(5), 46-59
- Stephen, J. September, 31 (1999). *Street Youth And Sunstance Use, The Role Of Background, Street Lifestyle And Economic Factors*. *Youth and Society*, (1), 73-81

- Stice, E. & Gonzales, N. (1998). Adolescent Temperament Moderates The Relation Of Parenting To Antisocial Behavior And Substance Use. *Journal of Adolescent Research*, 13(1), 49-57.
- Stufflebeam, D. L. (1986). *The CIPP Model For Program Evaluation*. Dalam Madaus, G. F., Stufflebeam, D. L., dan Scriven, M. S. *Evaluation Models: Viewpoints on Educational and Human Services Evaluation*. Boston: Kluwer-Nijhoff.
- Stufflebeam, D. L., Foley, W. J., Gephart, W. J., Guba, E. G., Hammond, R. I., Merriman, H. O., et al. (1971). *Educational Evaluation And Decision-making*. Illinois: Peacock.
- Sufean Hussin. (2004). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tam Yeow Kwai. (2007). *Pengaruh Persekitaran Terhadap Perkembangan Guru Ke Arah Kecemerlangan*. Tesis Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Tashakkori, A. & Teddlie, C. (2002). (pnyt.). *Handbook Of Mixed Methods In Social & Behavioral Research*. Thousands Oak: Sage Publications.
- Tomlinson, H. (2004). *Educational Leadership - Personal Growth For Professional Development*. London: Sage Publications.
- Tobler, N. S. (1986). Meta-analysis Of 143 Adolescent Drug Prevention Programs: Quantitative Outcome Results Of Program Participants Compared To Control Or Comparison Group. *Journal Of Drug Issues*. 16, pp537-568.
- Wan Azmi Ramli. (1998). *Petaka Abad Ke-21. Penagih Kemaknyahan Gay-Lesbian-Homosex Pelacuran Aids (Grid)*. Golden Books Centre Sdn. Bhd. Selangor.
- Worthen, B.R. & Sanders, J.R. (1973). *Educational Evaluation: Theory and Practice*. Belmont: Wadsworth.
- Zulkiffly Ahmad. (2006). *Jenayah Dadah. Siri Maklumat Jenayah*. Mostgain Resources Publications. Selangor.
- Zulkhairi Ahmad & Mahmood Nazar Mohamed. (2007). *Journal Keberkesanan Program Kaunseling Rawatan Dan Pemulihan Dadah Dari Perspektif Penghuni Pusat Serenti*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.